

22/02/2002

Pemuda bimbang tindakan Pas kecam wartawan

Wan Esuriyanti Wan Ahmad; Nazura Ngah

KUALA LUMPUR, Khamis - Kecenderungan pemimpin Pas mengecam dan menghina wartawan dikhuatiri boleh mendorong pengikut taksu parti itu bertindak liar sehingga mengancam keselamatan pengamal media.

Setiausaha Kerja Pemuda Umno, Zulkifli Alwi, berkata sikap pemimpin Pas yang sering mengecam pengamal media massa arus perdana, boleh mencetuskan kebencian penyokong parti itu terhadap wartawan.

"Kita dah lihat banyak tindakan liar penyokong Pas yang dicetuskan oleh hasutan pemimpinnya. Sebenarnya, ini memang sikap pemimpin parti itu yang bersikap tertutup terhadap pihak lain.

"Wartawan hanya menjalankan tugas. Jika pemimpin Pas terus menghasut penyokongnya, takut-takut anak buahnya akan bertindak nekad terhadap pihak wartawan," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Semalam, Kelab Wartawan Terengganu (Kawat) menyerahkan memorandum kepada Menteri Besar, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, sebagai membantah sikap pemimpin Pas negeri itu yang sering mengecam pengamal media.

Memorandum itu mendesak agar Abdul Hadi memohon maaf secara terbuka sama ada melalui media arus perdana, Warta Darul Iman, Harakah atau ceramah anjuran kerajaan negeri dan Pas bagi membersihkan semula imej wartawan di mata masyarakat.

Dalam kejadian terbaru, Kawat mendakwa wartawan dilabelkan sebagai golongan lebih hina daripada kera atau tupai yang hanya tahu mengutip buah yang busuk atau buruk saja.

Zulkifli berkata, Abdul Hadi perlu membuat kenyataan maaf secara terbuka kerana sebagai pemimpin yang bertanggungjawab, beliau perlu memahami wartawan hanya menjalankan tugas.

Di KUALA TERENGGANU, Setiausaha Akhbar Menteri Besar, Zahari Mohamed dalam satu kenyataan berkata perumpamaan kera atau tupai yang disebutkan itu banyak terdapat dalam peribahasa Melayu yang mengaitkan binatang dengan tingkah laku manusia.

"Contohnya, seperti kera kena belacan, kera di hutan disusukan anak dibuai mati kelaparan, seperti kera mendapat bunga dan sepandai-pandai tupai melompat akhirnya jatuh ke tanah," katanya sebagai mengulas memorandum berkenaan.

Zahari berkata, walaupun wartawan memiliki kepakaran dan profesionalisme selaras dengan etikaewartawanan, sebagai manusia biasa tentulah terdapat sedikit kelemahan dalam laporan berkaitan sesuatu peristiwa dan isu yang kadang kala tidak tepat serta mengelirukan.

"Akibatnya mereka (wartawan) terdedah kepada kritikan dan teguran sebagai peringatan dan amaran untuk diperbetulkan kesilapan dan kelemahan.

"Bahkan Perdana Menteri sendiri sering menegur wartawan tempatan supaya lebih berhati-hati dalam melaporkan sesuatu isu supaya tidak menimbulkan sentimen perkauman dan keagamaan," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, katanya, turut mengecam wartawan luar negara kerana menyiarkan laporan yang tidak tepat mengenai negara ini.

Beliau berkata, pihaknya berpendapat teguran dan peringatan yang diberikan oleh Menteri Besar kepada wartawan sebagai suatu yang boleh difikirkan bersama dan membuat penilaian secara positif supaya semua pihak tidak terkena musibah terhadap sesuatu laporan yang disiarkan oleh media.

Zahari berkata, pihak kerajaan khususnya Pejabat Menteri Besar sentiasa telus dan terbuka untuk menerima cadangan, teguran dan kritikan demi kebaikan dan keadilan terutamanya ke arah 'Membangun Menurut Islam'.

(END)